

04 JUL 2003

Mahathir-Saintis (Bergambar)/I

RAKYAT MALAYSIA DIGALAKKAN PELAJARI PELBAGAI BIDANG SAINS

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata pelajar-pelajar di negara ini digalakkan mempelajari pelbagai mata pelajaran sains agar Malaysia dapat menghasilkan ahli sains dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata Malaysia memerlukan banyak ahli sains dalam pelbagai bidang bagi membantu pembangunan negara dalam dunia yang berubah dengan pantas.

"Sekiranya Malaysia tidak mempunyai ahli sains yang mencukupi, kita tidak dapat meneroka penemuan-penemuan baru," kata beliau.

"Saya amat berharap agar anda dapat mempelajari sains dan kembali semula ke sini untuk membantu kami dalam kerja-kerja penyelidikan," katanya semasa berucap pada majlis makan malam Persatuan Alumni Kolej Imperial Malaysia di sini.

Dr Mahathir juga berkata ahli sains Malaysia juga perlu bekerjasama dengan saintis dari luar negara menjalankan penyelidikan bagi mencari ubat-ubatan untuk penyakit-penyakit baru.

Perdana Menteri juga berkata bahawa kerjasama baik dan kerja-kerja penyelidikan antara saintis tempatan serta luar negara akan memastikan kejayaan projek lembah bio.

Lembah bio yang dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 20 Mei akan memusatkan penyelidikan bioteknologi di seluruh negara selain mempermudah dan menggalakkan pengkomersialan produk serta penemuan.

"Sekiranya kita berjaya, banyak orang akan datang ke sini dan membuat keuntungan," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata Malaysia mempunyai banyak flora dan fauna yang dapat digunakan sebagai ubat-ubatan untuk pasaran tempatan serta dunia.

"Mungkin kita boleh mengubah ciri-ciri Tongkat Ali dan menghasilkan sesuatu mirip Viagra," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SSA RV ROS